

18/06/2002

Persatuan risau pelajar keliru

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) membantah keputusan melaksanakan pengajaran dalam bahasa Inggeris subjek Sains dan Matematik serentak bagi semua peringkat persekolahan mulai tahun depan.

Setiausaha Agungnya, Khairul Arifin Mohd Munir, berkata ia perlu dikaji semula kerana dilaksana secara tergesa-gesa dalam keadaan prasarana belum mencukupi, khususnya buku serta persediaan guru mengajar dalam bahasa Inggeris.

Katanya, masa enam bulan terlalu singkat untuk membuat perubahan menyeluruh membabitkan banyak sekolah di bandar dan luar bandar.

Katanya, ia akan memberi kesan kepada murid tahun lima yang akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun depan serta pelajar tingkatan dua dan empat yang bakal menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Pelajar akan keliru dan terpaksa mengubah pemahaman terhadap istilah tertentu yang sudah difahami dalam subjek Matematik dan Sains. Kekeliruan dan kekurangan prasarana ini akan menjejaskan keputusan mereka serta memberi kesan psikologi terhadap pelajar.

"Selain itu, sukar untuk menyediakan guru terlatih dalam tempoh enam bulan, sedangkan bagi melatih 500 guru bahasa Inggeris saja dilaporkan mengambil masa empat tahun," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam wawancara khas dengan Minggu Malaysia bahawa kerajaan akan melaksanakan pengajaran dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak mulai 2003, bukan setakat tahun satu seperti yang diumumkan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu kerana kesan pengajaran bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran berkenaan akan mengambil masa 11 tahun untuk menampakkan hasilnya jika bermula pada tahun satu saja.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberi jaminan langkah kerajaan menggunakan bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran itu tidak bertujuan mengembalikan semula aliran bahasa Inggeris di negara ini.

Khairul Arifin juga kesal dengan kenyataan Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Sanip Suradi, mengenai cadangan persatuan itu menganjurkan kursus intensif bahasa Inggeris kepada semua guru besar dengan kerjasama syarikat swasta.

Katanya, latihan itu sebenarnya boleh dikendalikan oleh maktab perguruan dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang lebih berpengalaman dan berkesan serta menjimatkan kos.

"PKPIM khuatir wujud unsur yang lebih cenderung kepada keuntungan semata-mata," katanya.

Beliau berkata, PKPIM sedar mengenai kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu, teknologi dan maklumat yang perlu dikuasai bagi memperkukuhkan bangsa, negara dan bahasa Melayu.

(END)